

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 APRIL 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Pengurangan subsidi petrol tetap dilaksana tahun ini

Pengurangan subsidi petrol tetap dilaksana tahun ini

Pelaksanaan dibuat secara berperingkat untuk capai sasaran fiskal 4.3 peratus

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengurangkan subsidi petrol tahun ini dalam usaha untuk mengelakkan deficit fiskal negara, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Susulan jangkaan rasionalisasi bahan api itu, katanya, kerajaan akan melaksanakan pengurangan subsidi secara berperingkat dengan risiko inflasi meningkat sebelum rancangan itu dilaksanakan.

"Kita berada pada landasan tempat untuk memberi bantuan bersar kepada golongan memerlukan. Kerajaan akan tetap melaksanakannya (rasionalisasi subsidi petrol).

"Untuk mencapai sasaran fiskal 4.3 peratus, garis masa yang ditetapkan perlu dipatuhi," katanya kepada *Bloomberg*.

Akhir tahun lalu, kerajaan dilarap akan melaksanakan program subsidi bersasar RON95 pada separuh kedua 2024.

Rafizi berkata, 2024 akan memperlihatkan usaha kerajaan kepada pelaksanaan dasar dan dengan penubuhan Pangkalan Data Utama (PADU) pada Januari 2024 memberikan akses kepada data granular yang diperlukan untuk melaksanakan program bersasar seperti rasionalisasi subsidi atau reformasi kebiahan sosial.

Katanya, kerajaan mengambil masa untuk melaksanakan program subsidi bersasar bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

"Dijangkakan akan ada ketidakpuasan dan masalah sebalik ia dilaksanakan, tetapi kerajaan tidak mampu membuat 'pusingan U' apabila ia dilaksanakan."

"Setahun lalu saya berakukan mengenai perkara ini. Saya tahu penganalisis di luar sana bertanya kenapa mengambil masa lama (melaksanakannya).

"Sebabnya ialah kita mahu melihat ia dilaksanakan di negara



Kerajaan mengambil masa untuk melaksanakan program subsidi bersasar bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar. (Foto hasan)

lain. Urutan penting dengan memastikan semua perkara sedia dan cuba rapatkan kelompongan sebaik mungkin," katanya.

Selain itu, firma penyelidik menjangkakan proses dan tempoh rasionalisasi subsidi dijangka dilaksanakan secara berperingkat, mengambil isyarat daripada sasaran kerajaan untuk mengurangkan subsidi bahan api sebanyak

RM6 bilion pada 2024 berbanding rekod tertinggi subsidi RON95

dan diesel berjumlah RM41.75 billion pada 2022.

berterusan meningkat ke paras AS\$100 seteng.

Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini memendedahkan inflasi keseluruhan pada 2024 dijangka berada antara dua peratus dan 3.5 peratus selepas mengambil kira potensi kenaikan disebabkan oleh rasionalisasi subsidi terutama petrol.

Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour pada sidang media Laporan Tahunan 2023, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 dan Tinjauan Kestabilan Kewangan Kedua Separuh Kedua

2023 berkata, walaupun rasionalisasi subsidi mungkin memberikan implikasi jangka pendek terhadap pertumbuhan dan inflasi, strategi pelaksanaan yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik bersama-sama dengan bantuan tunai bersasar akan membantu mengurangkan kesan ini.

Rafizi berkata, walaupun nilai ringgit terus menyusut, ia tidak menjelaskan minat pelabur asing atau menghalang matlamat kerajaan melaksanakan dasar.

"Setakat ini, kami tidak melihat turun naik ringgit mula memberi kesan negatif kepada penstrukturkan semula jangka panjang," katanya.



Rafizi Ramli

Inflasi naik kepada 3 peratus

Maybank Investment Bank Bhd

(Maybank IB) dalam laporan tinjauan Malaysia bagi 2024 berkata,

rasionalisasi subsidi bahan api

dan seterusnya pelarasan harga

bahan api mestil dibuat secara berperingkat bagi mengimbangi

kesannya terhadap inflasi, yang

dijangka kembali meningkat ke

pada 3.0 peratus tahun depan ber-

banding anggaran 2.6 peratus

pada tahun ini.

Penganalisis ekonomi juga ber-

pandangan, subsidi petrol ber-

sasar berkenaan kini diperke-

nalakan dalam beberapa bulan la-

gi, mengambil kira kebarangka-

lian harga minyak dunia akan